



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Isu Wanita Melayu Di Malaysia Dilihat Menerusi Literatur Dalam Tempoh Tiga Dekad Terakhir (1995-2025)

Malay Women's Issues in Malaysia Seen Through Literature Over the Last Three Decades (1995-2025)

Fatin Nur Hanisah Mohd Wazir¹, Siti Aishah Edros^{2*}, Amer Hudhaifah Hamzah¹, Dg. Hafizah Ag. Basir¹

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

² School Of Tourism, Hospitality & Event Management, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 19 May 2026

Received in revised form 7 June 2026

Accepted 8 June 2026

Available online 11 June 2026

ABSTRACT

Wanita Melayu memainkan peranan penting dalam pembentukan institusi keluarga, pembangunan masyarakat serta pemeliharaan nilai budaya dan agama di Malaysia. Seiring dengan perubahan sosial, ekonomi dan budaya yang berlaku dalam masyarakat, pelbagai kajian telah dijalankan bagi membincangkan isu-isu berkaitan wanita Melayu daripada pelbagai perspektif. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti secara menyeluruh kecenderungan tema dan jurang penyelidikan berkaitan wanita Melayu dalam tempoh yang panjang masih terhad. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tema-tema utama yang dibincangkan dalam literatur mengenai wanita Melayu di Malaysia dalam tempoh 1995-2025 serta mengenal pasti kecenderungan dan jurang penyelidikan yang masih wujud. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis tematik terhadap 28 literatur terpilih yang terdiri daripada artikel jurnal dan tesis berbahasa Melayu. Pemilihan sumber dibuat berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan bagi memastikan kesesuaian dengan objektif kajian. Setiap literatur dianalisis melalui proses pembacaan, pengkodan dan pengelasan tema untuk mengenal pasti pola perbincangan yang dominan. Dapatan menunjukkan literatur berkaitan wanita Melayu dapat dikategorikan kepada empat tema utama, iaitu wanita dan Islam, wanita dan budaya, wanita dan feminisme serta wanita dan penjagaan kesihatan dan kecantikan. Tema wanita dan Islam merupakan tema yang paling banyak diberi tumpuan, diikuti tema wanita dan budaya. Sebaliknya, tema wanita dan feminisme serta wanita dan kesihatan dan kecantikan masih lagi terhad. Kajian ini mendapati penyelidikan berkaitan wanita Melayu masih banyak dipengaruhi oleh kerangka agama dan budaya dalam mengetahui peranan, identiti dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa ruang penyelidikan yang masih kurang diterokai khususnya berkaitan feminisme kontemporari, media digital, kesihatan mental dan identiti wanita

* Corresponding author.

E-mail address: siti.aishah.edros@uum.edu.my (Siti Aishah Edros)

<https://doi.org/10.37934/arsbs.43.1.247256>

Melayu masa kini. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan asas dalam memahami perkembangan penyelidikan berkaitan wanita Melayu serta membantu pengkaji mengenal pasti arah penyelidikan baharu pada masa hadapan.

Malay women play an important role in the formation of family institutions, community development and the preservation of cultural and religious values in Malaysia. Along with the social, economic and cultural changes that have occurred in society, various studies have been conducted to discuss issues related to Malay women from various perspectives. However, studies that comprehensively examine the trends of themes and research gaps related to Malay women over a long period are still limited. This study aims to examine the main themes discussed in the literature on Malay women in Malaysia during the period 1995-2025 and identify trends and research gaps that still exist. This study uses a qualitative approach through thematic analysis of 28 selected literatures consisting of journal articles and theses in the Malay language. Source selection was made based on the inclusion and exclusion criteria that had been set to ensure suitability with the study objectives. Each literature was analyzed through a process of reading, coding and classifying themes to identify dominant discussion patterns. Findings show that literature related to Malay women can be categorized into four main themes, namely women and Islam, women and culture, women and feminism and women and health and beauty care. The theme of women and Islam is the theme that is given the most attention, followed by the theme of women and culture. On the other hand, the themes of women and feminism as well as women and health and beauty are still limited. This study found that research related to Malay women is still largely influenced by religious and cultural frameworks in understanding the role, identity and position of women in society. Therefore, there are several research areas that are still underexplored, especially related to contemporary feminism, digital media, mental health and the identity of Malay women today. This study is hoped to be a basic reference in understanding the development of research related to Malay women and to help researchers identify new research directions in the future.

Keywords:

Wanita Melayu; Wanita dan Islam; Budaya Melayu; Feminisme; Kesehatan dan Kecantikan;

Malay Women; Women and Islam; Malay Culture; Feminism; Health and Beauty

1. Pengenalan

Wanita diberikan kedudukan yang istimewa melalui pelbagai syariat yang diturunkan untuk melindungi dan memelihara mereka. Kedatangan Islam yang membawa agenda *Rahmatan lil alamin* (rahmat buat sekalian alam) telah membawa perubahan yang signifikan terhadap kedudukan wanita berbanding sebahagian amalan masyarakat terdahulu yang sering menghadkan peranan dan hak mereka. Kaum wanita tidak lagi dipandang rendah oleh sebab pengiktirafan terhadap martabat mereka serta penghormatan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti hak pendidikan dan hak mewarisi harta pusaka. Justeru menurut Harlina Halizah Siraj [9], wanita boleh dianggap beruntung kerana mendapat perhatian meluas dalam sumber-sumber agama, sama ada al-Qur'an mahupun sunnah.

Seiring dengan penyebaran Islam di kebanyakan tempat seluruh dunia, Kepulauan Melayu tidak terkecuali menerima penyebaran Islam secara meluas. Lantaran perkembangan tersebut, nilai pendidikan dan asuhan ke atas wanita Melayu mula dititikberatkan dari kedua-dua segi; luaran mahupun dalaman, sehingga identiti kewanitaan Melayu berkembang secara seimbang mencakupi penjagaan fizikal, emosi, intelektual dan spiritual. Sehubungan itu, pengetahuan mengenai asuhan kewanitaan Melayu wajar diberi perhatian dalam kajian, agar nilai-nilai tradisional berteraskan Islam terus terpelihara di tengah-tengah arus kemodenan yang dinamik.

Raja Rohana Raja Mamat memetik daripada Frank Swettenham bahawa seperti semua wanita Timur, khususnya wanita Melayu, memiliki gaya hidup yang tersendiri [16]. Namun dewasa ini, peranan wanita dalam pembangunan insan negara semakin mendapat tempat sehingga memberi

sumbangan yang besar kepada pembangunan negara. Walaupun banyak kajian mengenai wanita Melayu telah dijalankan meliputi aspek agama, budaya, kesihatan, pendidikan dan feminisme, kebanyakan kajian tersebut masih fokus kepada tema tertentu secara berasingan. Setakat ini, masih kurang kajian yang meneliti secara menyeluruh pola, kecenderungan dan jurang penyelidikan berkaitan wanita Melayu dalam tempoh yang panjang. Keadaan ini menyebabkan perkembangan wacana wanita Melayu sukar difahami secara komprehensif.

Melihat perkembangan dan fasa peralihan inilah, maka satu tinjauan kajian lepas berkaitan isu wanita di Malaysia wajar mendapat perhatian untuk meninjau ruang-ruang penyelidikan yang telah diisi berkenaan ini. Sejajar dengan kesedaran ini, maka pengkaji akan menelusuri sumber-sumber literatur berbahasa Melayu dalam tempoh tiga dekad iaitu antara tahun 1995 hingga 2025.

Dalam suasana semasa yang semakin menonjolkan isu wanita, banyak kajian telah dihasilkan untuk menjawab persoalan berkaitan martabat, emansipasi serta budaya kewanitaan dalam masyarakat. Kajian-kajian ini turut merujuk kepada sumber penting seperti al-Quran, hadis dan manuskrip ulama silam, kerana seperti yang telah dinyatakan di atas, Islam sebagai agama yang *syumul* telah mengangkat kedudukan wanita dan menetapkan asas tanggungjawab mereka dalam keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun, perkembangan falsafah barat juga turut mencetuskan evolusi mengenai wanita, lantas permasalahan-permasalahan moden seperti ini juga tidak boleh diabaikan kepentingannya.

Lantaran itu, artikel ini bertujuan memperlihatkan dengan lebih jelas kelompongan yang masih wujud dalam kajian-kajian lepas, khususnya dari sudut integrasi antara warisan budaya kewanitaan Melayu-Islam dengan wacana feminisme moden. Sorotan ini dijangka akan dapat membuka ruang kepada penyelidikan akan datang untuk mengembangkan idea bagaimana nilai tradisional yang berteraskan agama tentang wanita Melayu khususnya boleh berinteraksi dengan cabaran kontemporari berkaitan kesihatan, kecantikan dan identiti, serta membina suatu kerangka yang lebih inklusif dan relevan dalam memahami kedudukan wanita pada masa kini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti tema-tema utama yang dibincangkan dalam literatur mengenai wanita Melayu di Malaysia dalam tempoh 1995 hingga 2025 serta mengenal pasti kecenderungan dan jurang penyelidikan yang masih wujud.

2. Metodologi Kajian

Dalam menyorot penyelidikan ini, pendekatan yang akan digunakan adalah kualitatif yang menekuni teks dan literatur yang sedia ada dengan mengaplikasikan analisis tematik (*thematic analysis*). Hasil bacaan daripada kajian-kajian terdahulu ini akan dijadikan asas untuk meninjau kembali tema yang disentuh pengkaji terdahulu. Bidang seperti ini bersifat terbuka, kerana dalam bidang kualitatif, apa yang dianggap signifikan sering kali berbeza mengikut sudut pandang pengkaji, lalu menimbulkan kepelbagaian kategori dan tafsiran. Maka, kaedah yang mendalam seperti analisis tematik ini akan dapat memahamkan kita setiap literatur dengan sebaik-baiknya sebelum mengenal pasti tema yang paling banyak diberikan penekanan serta menunjukkan jurang kajian yang masih belum diterokai.

Demikian juga, literatur diperoleh melalui carian dalam *Google Scholar* dan beberapa jurnal elektronik berkaitan dengan kajian yang dikaji. Carian dilakukan menggunakan kata kunci seperti “wanita Melayu”, “wanita dan Islam”, “wanita dan budaya”, “wanita dan feminisme” serta “wanita dan kesihatan dan kecantikan”. Proses pemilihan literatur dibuat berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi bagi memastikan kesesuaian sumber dengan objektif kajian. Kriteria inklusi merangkumi artikel jurnal dan tesis dalam bahasa Melayu atau Inggeris yang membincangkan wanita Melayu di Malaysia secara langsung dalam tempoh 1995 hingga 2025. Sebaliknya, sumber yang tidak

memfokuskan wanita Melayu, tiada kaitan dengan tema kajian mahupun penerbitan di luar tempoh yang ditetapkan tidak dimasukkan dalam analisis.

Setelah proses saringan terhadap literatur dilakukan, sebanyak 28 literatur yang memenuhi kriteria inklusi dipilih untuk dianalisis. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis tematik. Setiap literatur dibaca dan diteliti secara menyeluruh sebelum melalui proses pengekodan bagi mengenal pasti tema-tema yang berulang. Tema-tema yang sama kandungannya akan dikelompokkan kepada beberapa kategori utama bagi mengenal pasti pola kecenderungan penyelidikan berkaitan wanita Melayu dalam tempoh kajian.

3. Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada literatur berkaitan wanita Melayu di Malaysia yang diterbitkan dalam tempoh 1995 hingga 2025. Analisis hanya melibatkan artikel jurnal dan tesis yang diterbitkan dalam bahasa Melayu atau Inggeris serta mempunyai hubungan langsung dengan objektif kajian. Sebanyak 28 literatur yang memenuhi kriteria pemilihan telah dianalisis menggunakan pendekatan tematik.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Pertamanya, kajian hanya melibatkan literatur yang dapat dicapai oleh pengkaji dan tidak merangkumi keseluruhan penerbitan berkaitan wanita Melayu. Kedua, kajian ini memberi tumpuan kepada analisis tema tanpa menilai secara khusus kualiti metodologi setiap literatur yang dirujuk. Oleh itu, dapatan kajian perlu ditafsirkan dalam konteks skop dan batasan tersebut.

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

4.1 Taburan Tema Kajian

Berdasarkan tinjauan, sebanyak 28 literatur telah berjaya dikumpul untuk dianalisis. Analisis tema ini berperanan sebagai kerangka awal bagi mengenal pasti pola kecenderungan literatur yang telah dijalankan sama ada menekankan aspek keIslaman, feminisme, budaya kewanitaan atau isu kesihatan dan kecantikan. Dengan meneliti tema yang dominan berbanding tema yang kurang diketengahkan, analisis ini membantu memperlihatkan peta penyelidikan sedia ada secara lebih menyeluruh. Berikut adalah jadual 1 menunjukkan senarai literatur yang memenuhi kriteria kajian, manakala rajah 1 memaparkan taburan tema yang dikenal pasti melalui analisis tematik.

Jadual 1

Senarai Literatur Terpilih Berkaitan Wanita Melayu Dalam Tempoh Tiga Dekad Terakhir

Bil.	Penulis	Judul	Tahun (Terbit)	Jenis Penerbitan
1.	Che Zarrina dan Joni Tamkin	Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam	2006	Artikel Jurnal
2.	Jalihah Md. Shah	Triple Role: Suatu Penyingkapan Peranan Dan Kerja Wanita	2010	Artikel Jurnal
3.	Zainul Muhibbin	Wanita Dalam Islam	2011	Artikel Jurnal
4.	Siti Khariah Mohd Zubir	Unsur Feminisme Dalam Pantun Melayu	2012	Artikel Jurnal
5.	Naemah Hamzah, Mohd Ismail dan Bushrah Basiron	Faktor Sokongan Individu Terhadap Kecemerlangan Wanita Bekerjaya Dan Berumah Tangga	2013	Artikel Jurnal
6.	Emilia Susanti	Budaya Melayu Cerminan Bagi Perempuan Melayu	2014	Artikel Jurnal

7.	Muhammad Marwan dan Zahir Ahmad	MSS 2926 Petua Memasak: Penelitian Awal Terhadap Ilmu Kuliner Melayu Tradisional	2015	Artikel Jurnal
8.	Wan Aminah Hasbullah dan Nik Norliza	Amalan Perubatan Herba Dan Keseimbangan Humoral Dalam Penjagaan Kesihatan Post Partum Wanita Melayu: Perspektif Budaya Dan Perubatan	2017	Artikel Jurnal
9.	Siti Nur Husna, Mohd Izhar dan Muhammad Adnan	Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam	2017	Artikel Jurnal
10.	Ida Roziana Abdullah	Konsep Feminisme Talbiah Dalam Karya Aminah Mokhtar	2018	Tesis PhD
11.	Abdul Halim dan Ida Roziana Abdullah	Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel "Diari Seorang Jururawat" Karya Aminah Mokhtar	2018	Artikel Jurnal
12.	Zikriati, Rahimah Embong dan Feriyanti	Wanita Dalam Perspektif Islam	2018	Artikel Jurnal
13.	Roshimah Shamsudin	The Non-Domestic Roles Of The Malay Women According To The Sunnah	2019	Artikel Jurnal
14.	Nurulbahiah, Adnan Yusoff, Abdul Aziz, Shamsul Badli dan Salma Yusof	Kesedaran Wanita Muslim Tentang Hak Dan Tanggungjawab Dalam Keluarga Dan Kerjaya: Kajian Kes Di UNITEN Dan UPNM	2019	Artikel Jurnal
15.	Nurhasmira Mat Rusok	Emansipasi Wanita Dalam Novel-Novel Pilihan	2019	Tesis Sarjana
16.	Abdul Saipon, Didin Hafihuddin dan Ulil Amri Syafri	Nilai Pendidikan Wanita Dalam Surah Al-Ahzab Ayat 28-35 Dan Ayat 59 Serta Aplikasinya Dalam Pendidikan Islam	2019	Artikel Jurnal
17.	Khairiah Mohd Yassin	Konsep Keperibadian Dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain	2019	Artikel Jurnal
18.	Rahim Kamarul Zaman, Mohd Khairul Naim, Khairulnazrin Nasir dan Muhammad Adam	Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalhan Khadijah RA Dalam Sahih Al-Bukhari	2020	Artikel Jurnal
19.	Hamidah Hanim	Peranan Wanita Dalam Islam Dan Feminisme Barat	2020	Artikel Jurnal
20.	Sharifah Hayaati	Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah	2021	Artikel Jurnal
21.	Nor Aniza dan Nur Saadah	Panduan Bagi Emansipasi Wanita Di Tanah Melayu Berdasarkan Kitab Jawi Abad Ke-20	2021	Artikel Jurnal
22.	Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman	Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Hamka	2021	Artikel Jurnal
23.	Bagas Luay Ariziq	Kedudukan Dan Kondisi Wanita Sebelum Dan Sesudah Datangnya Agama Islam	2022	Artikel Jurnal
24.	Azlizan dan Adibah Syahirah	Penglibatan Golongan Wanita Dalam Bidang Pekerjaan Di Tanah Melayu, 1920-1970	2023	
25.	Desma Enawati, Miranti dan Novia Lestari	Wanita Dalam Perspektif Al-Quran	2023	Artikel Jurnal
26.	Salmah Omar dan Malisah Latip	Penjagaan Kesihatan Selepas Bersalin: Perbandingan Antara Wanita Melayu Dan Melanau	2023	Artikel Jurnal
27.	Muhammad Adam, Najah Nadiyah Amran dan Hamdi Ishak	Pemeriksaan Wanita Menurut Perspektif Hadis: Satu Sorotan Literatur	2025	Artikel Jurnal
28.	Nur Azlina Roslan, Muhammad Yusri dan Muhd Imran	Isu-Isu Syariah Dalam Penjagaan Pantang Wanita Melayu	2025	Artikel Jurnal

Sumber: Analisis Pengkaji (2026)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, literatur yang dianalisis diterbitkan antara 2006 hingga 2025 yang terdiri daripada artikel jurnal serta tesis. Literatur-literatur ini kemudiannya dikelaskan kepada empat tema utama berdasarkan fokus perbincangan masing-masing.



Rajah 1. Taburan Tema Berdasarkan Analisis Tematik Terhadap Literatur Berkaitan Wanita Melayu
Sumber: Analisis Pengkaji (2026)

Berdasarkan paparan Rajah 1 di atas, tema wanita dan Islam merupakan tema paling banyak dibahaskan dengan 11 literatur, diikuti tema wanita dan budaya sebanyak 10 literatur. Sebaliknya, tema wanita dan feminisme serta tema wanita dan kesihatan dan kecantikan menerima perhatian lebih terhadap dengan masing-masing 4 dan 3 bilangan literatur. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan wanita Melayu dalam tempoh kajian lebih banyak tertumpu kepada aspek keagamaan dan budaya berbanding isu feminisme serta kesihatan dan kecantikan. Oleh yang demikian, perbincangan seterusnya akan menghuraikan dapatan bagi setiap tema yang dikenal pasti melalui analisis tematik.

4.2 Wanita dan Islam

Analisis terhadap literatur terpilih memperlihatkan bahawa tema wanita dan Islam antara tema yang paling kerap dibincangkan dalam kajian berkaitan wanita Melayu. Secara umum, kajian-kajian yang dianalisis memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu peranan wanita dalam institusi kekeluargaan, pembentukan sahsiah dan akhlak serta kedudukan wanita menurut perspektif Islam.

Dari sudut institusi kekeluargaan, kajian oleh Che Zarrina dan Joni Tamkin [6], Siti Nur Husna et al. [24], Rahim Kamarul Zaman et al. [21] serta Zikriati et al. [29], menunjukkan wanita memainkan peranan penting dalam pembentukan akidah, pendidikan anak-anak dan kestabilan institusi kekeluargaan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa wanita dilihat sebagai tunjang utama dalam proses sosialisasi nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu.

Selain itu, beberapa kajian turut menumpukan kepada aspek pembentukan sahsiah dan akhlak wanita. Buktinya, kajian oleh Emilia Susanti [8], Abdul Saipon et al. [2] dan Desma Enawati et al. [7], mendapati nilai kesopanan, perasaan malu, penjagaan aurat serta penghayatan akhlak Islam dianggap sebagai ciri penting yang membentuk identiti wanita Melayu Islam. Penekanan terhadap aspek ini menunjukkan perbincangan mengenai wanita dalam literatur Islam sering dikaitkan dengan pembentukan peribadi dan tanggungjawab moral.

Di samping itu, kajian oleh Zainul Muhibbin [28], Bagas Luay Ariziq [5], Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman [3] serta Sharifah Hayaati [26], membincangkan kedudukan dan kepimpinan wanita menurut perspektif Islam. Kajian-kajian ini secara umum menegaskan bahawa Islam

memberikan pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam masyarakat, namun pelaksanaannya dipengaruhi oleh faktor sejarah, budaya dan persekitaran semasa.

Keseluruhannya, tema wanita dan Islam dalam literatur yang dianalisis banyak tertumpu kepada peranan wanita sebagai pendidik keluarga, pembentuk sahsiah generasi dan anggota masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan ummah. Walau bagaimanapun, literatur mengenai wanita Melayu dalam konteks cabaran kontemporari seperti media digital, perubahan struktur keluarga dan penyertaan wanita dalam ruang awam dari perspektif Islam masih kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk penyelidikan lanjutan dilakukan pada masa hadapan.

4.3 Wanita dan Budaya

Tema wanita dan budaya turut mendapat perhatian dalam literatur yang dianalisis. Kajian-kajian dalam tema ini membincangkan pelbagai aspek budaya Melayu yang berkait rapat dengan peranan, tanggungjawab, penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan, pembentukan identiti budaya wanita Melayu serta perkembangan kedudukan wanita dalam konteks sejarah dan sosial.

Dari sudut peranan wanita dalam keluarga dan masyarakat, kajian oleh Jalilah Md. Shah [11], Naemah Hamzah et al. [15] dan Nurulbahiah et al. [20], menunjukkan bahawa wanita sebagai isteri, ibu mahupun individu yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Kajian-kajian terdahulu menegaskan bahawa keseimbangan antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak, khususnya daripada sang suami, keluarga dan majikan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa peranan wanita Melayu semakin berkembang tanpa mengabaikan fungsi tradisional mereka dalam institusi kekeluargaan.

Selain itu, beberapa kajian memberi tumpuan kepada aspek identiti, kesantunan dan keperibadian wanita Melayu. Sepertimana kajian oleh Khairiah Mohd Yassin [12], membincangkan wanita Melayu ini dikaitkan dengan sifat kesopanan, keteguhan peribadi dan semangat perjuangan dalam pembangunan masyarakat. Pada masa yang sama, sebuah tesis oleh Nurhasmira Mat Rusok [19], membuktikan bahawa isu emansipasi wanita turut diketengahkan dalam karya sastera sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap hak dan peranan wanita.

Dari perspektif sejarah dan warisan budaya pula, kajian oleh Muhammad Marwan dan Zahir Ahmad [14], Nor Aniza dan Nur Saadah [17] serta Azlizan dan Adibah Syahirah [4], memperlihatkan peranan wanita Melayu sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan zaman. Kajian-kajian terdahulu membuktikan wanita bukan sahaja terlibat dalam urusan domestik, malah turut berperanan dalam pendidikan, ekonomi mahupun pembangunan sosial masyarakat. Perubahan ini menggambarkan peningkatan penglibatan wanita dalam pelbagai bidang tanpa menafikan nilai budaya yang menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian oleh Roshimah Shamsudin [22] dan Muhammad Adam et al. [13] pula membahaskan penglibatan wanita dalam ruang awam seperti pendidikan, ekonomi, politik dan khidmat sosial semakin mendapat tempat dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, penglibatan tersebut masih sering dibincangkan dalam kerangka nilai budaya dan agama yang menjadi asas kepada identiti wanita Melayu.

Keseluruhannya, tema wanita dan budaya menunjukkan identiti wanita Melayu dibentuk melalui gabungan nilai budaya, agama dan perubahan sosial yang terjadi dalam masyarakat. Walaupun pelbagai aspek budaya wanita Melayu telah dibincangkan, literatur yang meneliti kesan globalisasi, media digital dan perubahan gaya hidup terhadap pembentukan identiti wanita Melayu kontemporari masih agak terhad. Oleh itu, aspek-aspek ini wajar diberi perhatian dalam penyelidikan akan datang bagi memahami transformasi budaya wanita Melayu secara lebih menyeluruh.

4.4 Wanita dan Feminisme

Sebanyak empat literatur dikenal pasti dalam tema wanita dan feminisme. Umumnya, kajian-kajian ini membincangkan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu melalui perbandingan antara feminisme Barat dan perspektif Islam di samping meneliti representasi wanita dalam karya sastera Melayu. Sebuah kajian oleh Siti Khariah Mohd Zubir [25] menunjukkan unsur feminisme dalam pantun Melayu memperlihatkan usaha wanita untuk menyuarakan pendapat dan memperjuangkan hak mereka dalam masyarakat. Malah, kemunculan pemikiran feminisme membuka lagi ruang kepada wanita menjadi lebih berani menyatakan hasrat sekaligus memperjuangkan hak mereka dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pada masa yang sama, kajian oleh Abdul Halim dan Ida Roziana Abdullah [1] dan Ida Roziana Abdullah [10] menampilkan konsep feminisme yang berterapkan nilai Islam melalui pendekatan feminisme talbiah. Mereka menegaskan pemerksaan wanita Melayu tidak harus berasaskan kerangka feminisme Barat, sebaliknya boleh dibina melalui ketauhidan, akhlak dan identiti wanita Islam.

Selain itu, pada tahun 2020, kajian telah dijalankan oleh Hamidah Hanim membincangkan perbezaan antara feminisme Barat dan perspektif Islam terhadap isu wanita. Beliau mendapati feminisme Barat lebih fokus kepada tuntutan kesamarataan hak antara lelaki dan wanita, manakala agama Islam memberi penekanan kepada keadilan dan pembahagian tanggungjawab sesuai dengan fitrah masing-masing. Perbezaan ini menunjukkan wacana feminisme dalam masyarakat Melayu sering ditafsirkan melalui kerangka agama dan budaya tempatan.

Keseluruhannya, literatur-literatur dalam tema ini memperlihatkan pemerksaan wanita Melayu banyak dibahaskan dalam konteks hubungan antara agama, budaya dan tuntutan moden terhadap hak wanita. Walau bagaimanapun, literatur berkaitan pengalaman wanita Melayu kontemporari dalam menghadapi isu gender, diskriminasi pekerjaan, kepimpinan wanita serta pengaruh media sosial terhadap pembentukan kesedaran feminisme masih agak terhad. Oleh itu, penyelidikan lanjut diperlukan bagi memahami perkembangan feminisme dalam konteks masyarakat Melayu semasa secara lebih mendalam.

4.5 Wanita dan Penjagaan Kesihatan dan Kecantikan

Tema kesihatan dan kecantikan merupakan tema yang paling sedikit dibincangkan dalam literatur yang dianalisis. Sebanyak tiga literatur yang ditemui kebanyakannya memberi tumpuan kepada amalan penjagaan kesihatan tradisional wanita Melayu, khususnya berkaitan penjagaan selepas bersalin dan penggunaan herba dalam perubatan tradisional selari dengan prinsip Islam.

Hasil kajian oleh Wan Aminah Hasbullah dan Nik Norliza [27], mendapati penggunaan herba tempatan dalam penjagaan kesihatan wanita selepas bersalin masih diamalkan secara meluas dalam masyarakat Melayu. Amalan ini dianggap sebagai satu daripada warisan perubatan tradisional yang diwarisi turun-temurun sekaligus membantu pulihkan kesihatan wanita selepas bersalin.

Sementara itu, Salmah Omar dan Malisah Latip [23], pula mendapati wanita Melayu dan Melanau mempunyai beberapa persamaan dalam amalan penjagaan kesihatan selepas bersalin seperti bertungku, bertuam, mandi herba dan penggunaan ramuan tradisional. Kajian ini menegaskan faktor agama, adat tradisi, nilai dan pengalaman sangat penting dalam mengekalkan amalan tersebut hingga kini.

Seterusnya, Nur Azlina Roslan et al. [18] membincangkan isu-isu syariah dalam amalan berpantang terhadap wanita Melayu. Mereka mendapati sebahagian besar amalan berpantang mempunyai manfaat kesihatan selari dengan maqasid syariah, namun pelaksanaannya harus dipastikan tidak

bercanggah dengan prinsip Islam. Ini menunjukkan bahawa aspek kesihatan wanita dalam kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor budaya dan tradisi, bahkan turut dikaitkan dengan pertimbangan agama.

Keseluruhannya, kesemua literatur dalam tema ini menunjukkan penjagaan kesihatan wanita Melayu masih banyak dipengaruhi oleh gabungan unsur budaya, pengalaman tradisional dan nilai keagamaan. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti isu kesihatan wanita kontemporari seperti kesihatan mental, emosi, kesihatan reproduktif, imej tubuh badan serta pengaruh perubahan moden masih kurang tumpuan. Oleh itu, aspek-aspek ini wajar diterokai dengan lebih mendalam bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang cabaran dan keperluan wanita Melayu masa kini.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti empat tema utama yang mendominasi literatur berkaitan wanita Melayu di Malaysia dalam tempoh 1995 hingga 2025, iaitu wanita dan Islam, wanita dan budaya, wanita dan feminisme serta wanita dan penjagaan kesihatan dan kecantikan. Dapatan menunjukkan bahawa tema wanita dan Islam serta wanita dan budaya merupakan bidang paling banyak diberi tumpuan oleh pengkaji terdahulu, manakala tema wanita dan feminisme serta wanita dan kesihatan dan kecantikan masih kurang diterokai. Keadaan ini menunjukkan wacana wanita Melayu masih banyak dipengaruhi oleh kerangka agama dan budaya dalam memahami peranan serta kedudukan wanita dalam masyarakat.

Selain itu, kajian ini berhasil memetakan kecenderungan penyelidikan berkaitan wanita Melayu dalam tempoh tiga dekad yang lalu dengan jelas. Kefahaman terhadap tema-tema yang dominan dan kurang dibahaskan membolehkan pengkaji akan datang mengenal pasti ruang lompong (*research gap*) yang masih terbuka, sekali gus membantu dalam pemilihan topik yang mempunyai keaslian (*originality*) dan nilai tambah terhadap perkembangan ilmu. Dalam konteks ini, isu-isu berkaitan feminisme kontemporari, kesihatan mental wanita, media digital, identiti wanita Melayu moden serta cabaran sosial semasa wajar diberi perhatian lebih mendalam pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, artikel ini diharapkan dapat menjadi rujukan asas dalam memahami perkembangan kajian berkaitan wanita Melayu di Malaysia serta membuka ruang kepada penyelidikan yang lebih menyeluruh dan seimbang pada masa akan datang.

Penghargaan

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan geran daripada mana-mana agensi.

Rujukan

- [1] Abdul Halim, dan Ida Roziana Abdullah. "Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel Diari Seorang Jururawat Karya Aminah Mokhtar." *Journal Of Nusantara Studies*, no. 2 (2018): 147-161. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>
- [2] Abdul Saipon, Didin Hafihuddin, dan Ulil Amri Syafrî. "Nilai Pendidikan Wanita Dalam Surah Al-Ahzab Ayat 28-35 Dan Ayat 59 Serta Aplikasinya Dalam Pendidikan Islam." *Jurnal Pendidikan Islam*, no. 12 (2019): 172-195. DOI: 10.32832/tawazun.v12i2.2610
- [3] Ahmad Nabil Amir, dan Tasnim Abdul Rahman. "Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Hamka." *Journal Of Quranic Sciences And Research*, no. 2 (2021): 18-26. <https://doi.org/10.30880/jqsr.2021.02.01.003>
- [4] Azlizan, Dan Adibah Syahirah. "Penglibatan Golongan Wanita Dalam Bidang Pekerjaan Di Tanah Melayu, 1920-1970." *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, no. 7 (2023): 25-40.
- [5] Bagas Luay Ariziq. "Kedudukan Dan Kondisi Wanita Sebelum Dan Sesudah Datangnya Agama Islam." *Jurnal Keislaman*, no. 5 (2022): 1-12.
- [6] Che Zarrina, dan Joni Tamkin. "Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam." *Jurnal Usuluddin*, no. 23 (2006): 35-50.

- [7] Desma Enawati, Miranti, dan Novia Lestari. "Wanita Dalam Perspektif Al-Quran." *Jurnal Multidisiplin Indonesia*, no. 2 (2023): 1321-1329.
- [8] Emilia Susanti. "Budaya Malu Cerminan Bagi Perempuan Melayu." *Jurnal Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-Ilmu Sosial dan Budaya*, no. 11 (2014): 226-236. <http://dx.doi.org/10.24014/sb.v11i2.836>.
- [9] Harlina Halizah Siraj. "Citra Wanita Kontemporari." (Kuala Lumpur: JIMedia, 2009).
- [10] Ida Roziana Abdullah. "Konsep Feminisme Talbiah Dalam Karya Aminah Mokhtar." (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018).
- [11] Jalihah Md. Shah. "Triple Role: Suatu Penyingkapan Peranan Dan Kerja Wanita." *Sosiohumanika*, no. 3 (2010): 67-78.
- [12] Khairiah Mohd Yassin. "Konsep Keperibadian Dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain." *International Journal Of Humanities, Philosophy, And Language*, no. 2 (2019): 1-13. DOI: 10.35631/ijhpl.26001
- [13] Muhammad Adam, Najah Nadiah Amran, dan Hamdi Ishak. "Pemeriksaan Wanita Menurut Perspektif Hadis: Satu Sorotan Literatur." *Ulum Islamiyyah Journal*, no. 37 (2025): 26-38. <https://doi.org/10.33102/uij.vol37no01.569>
- [14] Muhammad Marwan. & Zahir Ahmad. "MSS 2926 Petua Memasak: Penelitian Awal Terhadap Ilmu Kulineri Melayu Tradisional." (2015): 1-24.
- [15] Naemah Hamzah, Mohd Ismail, Dan Bushrah Basiron. "Faktor Sokongan Individu Terhadap Kecemerlangan Wanita Bekerjaya Dan Berumah Tangga." *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, no. 66 (2013): 5-16.
- [16] Nang Naemah, Dan Mohd Roslan. "Wanita Melayu Islam Dan Tuntutan Menuntut Ilmu." *Journal al-Muqaddimah*, no. 3 (2015): 1-10.
- [17] Nor Aniza, Dan Nur Saadah. "Panduan Bagi Emansipasi Wanita Di Tanah Kitab Jawi Abad Ke-20." *Jurnal 'Ulwan*, no. 6 (2021): 273-286.
- [18] Nur Azlina Roslan, Muhammad Yusri, Dan Muhd Imran. "Isu-Isu Syariah Dalam Penjagaan Pantang Wanita Melayu." *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, no. 10 (2025): 186-200. DOI: 10.55573/JISED.107116.
- [19] Nurhasmira Mat Rusok. "Emansipasi Wanita Dalam Novel-Novel Pilihan." (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, 2019).
- [20] Nurulbahiah, Adnan Yusoff, Abdul Aziz, Shamsul Badli, Dan Salma Yusof. "Kesedaran Wanita Muslim Tentang Hak Dan Tanggungjawab Dalam Keluarga Dan Kerjaya: Kajian Kes Di UNITEN Dan UPNM." *Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, no. 4 (2019): 171-187.
- [21] Rahim Kamarul Zaman, Mohd Khairul Naim, Khairulnazrin Nasir, Dan Muhammad Adam. "Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalhan Khadijah RA Dalam Sahih Al-Bukhari." *Journal Hadis*, no. 10 (2020): 538-550.
- [22] Roshimah Shamsudin. "The Non-Domestic Roles Of The Malay Women According To The Sunnah." *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, no. 9 (2019): 2059-2067. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i1/5386>
- [23] Salmah Omar, Dan Malisah Latip. "Penjagaan Kesihatan Selepas Bersalin: Perbandingan Antara Wanita Melayu Dan Melanau." *Jurnal Kinabalu*, no. 29 (2023): 113-122. <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.3777>
- [24] Siti Nur Husna, Mohd Izhar, Dan Muhammad Adnan. "Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam." *Journal Of Sciences And Humanities*, no. 12 (2017): 1-16.
- [25] Siti Khariah Mohd Zubir. "Unsur Feminisme Dalam Pantun Melayu." *Jurnal Bahasa Dan Sastra Melayu*, no. 3 (2012): 138-153.
- [26] Sharifah Hayaati. "Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Siasah Syar'iyah." *Jurnal 'Ulwan*, no. 6 (2021): 111-135.
- [27] Wan Aminah Hasbullah, Dan Nik Norliza. "Amalan Perubatan Herba Dan Keseimbangan Humoral Dalam Penjagaan Kesihatan Post Partum Wanita Melayu: Perspektif Budaya Dan Perubatan." *Asian Journal Of Environment, History and Heritage*, no. 1 (2017): 129-142.
- [28] Zainul Muhibbin. "Wanita Dalam Islam." *Jurnal Sosial Humaniora*, no. 4 (2011): 109-120.
- [29] Zikriati, Rahimah Embong, Dan Ferayanti. "Wanita Dalam Perspektif Islam." *International Journal Of Civilizational Studies And Human Sciences*, no. 1 (2018): 52-59.